

22 DISEMBER 2017

Makmal dadah diserbu, syabu RM2.4 juta dirampas

Makmal dadah diserbu, syabu RM2.4 juta dirampas

SHAH ALAM 21 Dis. - Taktik licik sekumpulan penjenayah yang menjadikan rumah kediaman sebagai stor dan makmal memproses dadah terbongkar selepas kedua-dua premis yang terletak di Bandar Puteri dan Kampung Jawa, Klang itu diserbu polis kelmarin.

Kejayaan serbuan itu turut membawa kepada rampasan dadah dan cecair dipercayai syabu bernilai RM2.4 juta sekali gus menjadi kes dadah terbesar di Klang Selatan pada tahun ini.

Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Ab. Rashid Ab. Wahab berkata, hasil maklumat dan risikan pihaknya, sebuah

rumah di Bandar Puteri, Klang telah diserbu kira-kira pukul 4 petang kelmarin oleh pasukan polis Klang Selatan.

Menurutnya, hasil serbuan itu dua lelaki warga tempatan berumur 37 dan 40 tahun, dipercayai pakar kimia telah ditahan bersama dadah jenis syabu seberat sembilan kilogram (kg).

"Susulan penahanan itu, satu lagi serbuan telah dilakukan ke atas sebuah rumah banglo dua tingkat di Kampung Jawa kira-kira pukul 7.30 petang pada hari sama dan kita berjaya menemukan cecair disyaki untuk membuat dadah," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.